

**UCAPAN SELAMAT HARIRAYA AIDILFITRI
KEPADA ERAJURIT' OLEH
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN,
TIMBALAN PERDANA MENTERI
PADA 5 JANUARI 1967**

Perajurit-perajurit sekalian:

Hariraya Aidilfitri tahun ini ialah Hariraya yang pertama kita semua merayakannya setelah konfrantasi tamat. Syukur kita kepada Allah s.w.t. kerana telah memperkenankan doa umat Islam di kedua-dua buah negara yang memohonkan tamat pertikaian antara dua negara sahabat dan tetangga ini.

Pada hari yang berbahagia bagi semua umat Islam, setelah sebulan lamanya berpuasa, saya dan keluarga, dengan tulus ikhlas mengucapkan kepada Perajurit-perajurit sekalian dan umat Islam yang lain Selamat Hariraya Aidilfitri. Saya berharap Perajurit-perajurit sekalian bersukaria dengan anak isteri, kaum keluarga dan sahabat handai pada hari yang bertuah ini. Pada mereka yang dapat menyambut Hariraya bersama-sama dengan keluarga masing-masing, saya harap gunakan peluang ini dengan sepenuh-penuhnya. Kepada mereka yang terpaksa berada di tempat-tempat yang berjauhan kerana menjalankan tugas masing-masing dan terpaksa berhariraya dengan keadaan yang tidak begitu sempurna, saya ucapkan selamat Hariraya yang Istimewa. Mudah-mudahan pada tahun hadapan mereka itu dapatlah menyambut Hariraya dalam keadaan yang lebih sempurna bersama-sama anak-anak isteri masing-masing.

Dengan tamatnya konfrantasi, Malaysia dan Indonesia telah memasuki satu zaman baharu, zaman persahabatan dan kerjasama yang erat. Kita berdoa kepada Tuhan yang amat pemurah supaya persahabatan antara rakyat Indonesia dengan rakyat Malaysia akan bertambah kuat, lebih mesra dan berpanjangan buat selama-lamanya. Semenjak konfrantasi tamat, segala usaha telah dibuat oleh kedua-dua belah pihak - Indonesia dan Malaysia - untuk mencapai kerjasama dalam segala bidang kehidupan dengan tujuan supaya kita hidup sebagai dua negara jiran yang rapat dan bersahabat dan dapat memberi kebahagiaan hidup dan kemakmuran kepada rakyat masing-masing.

Perajurit-perajurit sekalian, satu daripada perkara-perkara yang telah pun dipersetujui ialah kedua-dua buah negara ini bekerjasama

bagi memburu dan memusnahkan komunis-komunis dan anasir-anasir yang menjadi musuh rakyat Indonesia dan rakyat Malaysia yang masih bersembunyi di sempadan Indonesia/Malaysia di Malaysia Timur. Komunis-komunis dan Agent-agentnya sedang berusaha untuk menimbulkan kacau-bilau; merosakkan keamanan dan rancangan-rancangan kerajaan yang bertujuan hendak membawa kemakmuran kepada rakyat negara ini.

Pada hari yang berbahagia ini saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua perajurit-perajurit yang telah menunjukkan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan dan negara. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kecergasan dan keberanian perajurit-perajurit kita menjalankan kewajipan masing-masing. Keberanian dan kehandalan askar-askar kita dalam menjalankan kewajipan, mempunyai disiplin dan tatatertib yang baik, sudah sangat terkenal dalam peperangan dunia yang kedua; semasa darurat dan semasa mereka berkhidmat di Congo dahulu. Kehandalan perajurit-perajurit kita memenangi peperangan gurila dengan komunis dalam masa darurat tahun 1948 hingga 1960 dahulu telah menjadi satu ciptaan sejarah dan menjadi ingatan dunia. Kecekapan dan kehandalan mereka mempertahankan kita daripada serangan dari gurila-gurila dan askar Indonesia masa konfrantasi telah mengharumkan lagi nama pasukan bersenjata Malaysia. Tidak dapat dinafikan oleh mana pihak bahawa tentera kita mempunyai kecekapan dan keberanian tidak kurang daripada mana-mana tentera di dunia. Malaysia adalah sebuah negara di dunia yang telah dapat menewaskan pemberontakan gurila-gurila komunis dan kemenangan ini adalah kemenangan Malaysia. Tentera-tentera kita telah menjadi tulang belakang dengan peperangan dengan komunis. Sungguh pun pasukan bersenjata Malaysia kecil tetapi cergas, bertanggungjawab dan mempunyai tatatertib yang teguh. Kerana sifat-sifat inilah mereka telah menjadi satu pasukan bersenjata yang sungguh pun kecil tetapi handal dan cekap dalam menjalankan kewajipan masing-masing. Begitu juga pada masa negara kita ditempo oleh mala petaka banjir ini ahli-ahli tentera kita telah bersungguh-sungguh menjalankan gerakan untuk menolong orang-orang kecemasan dan menyelamatkan nyawa-nyawa.

Kepada perajurit-perajurit sekalian saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia di atas kehandalan perajurit-perajurit dapat menjaga kemerdekaan negara dan juga keselamatan rakyat dari ancaman musuh-musuh kita. Pasukan bersenjata kita adalah penjaga keselamatan dan kemerdekaan negara Malaysia dan mereka telah menjalankan tugas-tugas ini dengan baik semenjak kita mencapai kemerdekaan. Rakyat semua berasa terhutang budi kepada perajurit-perajurit sekalian. Terima

kasih khasnya saya ucapkan kepada perajurit-perajurit kita yang sedang berkhidmat di sepanjang-panjang sempadan Malaysia/Indonesia dan di sempadan Malaysia/Thailand. Kerana taat setia dan ketekunan merekalah kita berada dalam aman dan dapat menyambut hari yang berbahagia ini. Rakyat semua tidak lupa kepada perajurit-perajurit ini. Kaum Ibu UMNO seperti biasa pada tahun ini juga menghantar kuih-muih kepada perajurit-perajurit sekalian disertai dengan ucapan Selamat Hariraya.

Sungguh pun konfrantasi sudah tamat tetapi kewajipan perajurit-perajurit berjalan terus dan perlu lebih berwaspada lagi. Kita masih mempunyai banyak musuh-musuh yang terjadi dari Komunis dan penyokong-penyokongnya. Kerana itu pasukan bersenjata kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap gerakan-gerakan yang hendak menghancurkan negara dan bangsa kita. Oleh sebab Malaysia dan cara kehidupan kita masih diancam oleh musuh-musuh maka mustahaklah kita meneruskan pembesaran pasukan bersenjata kita yang ada pada hari ini. Gita-cita kerajaan, jika keadaan wang negara mengizinkan hendak membesarkan lagi pasukan bersenjata kebangsaan kita, Tentera Darat, Tentera Laut dan Udara, dan dialati dengan senjata-senjata yang paling moden; Perajurit-perajurit sekalian diberi segala kemudahan perang dan juga rumahtangga dan kehidupan yang lebih sempurna.

Inilah niat dan tujuan Kerajaan Perikatan - kita tidak bercadang hendak mempunyai tentera yang besar tetapi hanyalah hendak menyediakan pasukan bersenjata kita supaya sesuai dengan kehendak keselamatan Malaysia dan mengadakan kemudahan-kemudahan yang berpatutan kepada ahli-ahli pasukan bersenjata kita supaya mereka dapat menjalankan kewajipan dan tugas masing-masing dengan lebih cekap dan sempurna lagi. Akan tetapi oleh sebab konfrantasi telah tamat mustahaklah kita mengurangkan perbelanjaan di lapangan pertahanan, di tempat-tempat yang difikirkan tidak perlu untuk keselamatan negara. Pasukan-pasukan sukarela ditamatkan perkhidmatan kerahannya, dan masa latihan-latihannya dikurangkan. Saya suka mengucapkan setinggi terima kasih kepada ahli-ahli pasukan sukarela yang telah menunjukkan kesediaannya untuk berjuang dan berkorban kerana negara. Kepada mereka yang terpaksa berhenti daripada perkhidmatan penuh (atau Call-up) kerajaan akan berikhtiar menolong mereka itu mendapatkan pekerjaan-pekerjaan berpatutan.

Setelah konfrantasi tamat, tugas yang paling penting bagi pasukan bersenjata Malaysia ialah melawan komunis dan menolong membasmikan pengganas komunis yang hendak menghancurkan kita. Dalam usaha ini Pasukan Bersenjata kita selain daripada menggunakan kekuatan senjata mestilah juga memenangi sokongan-

sokongan dan kerjasama rakyat dengan cara menolong mereka dalam kerja-kerja pembangunan, kebajikan dan sukarela. Saya sangat sukacita mengetahui yang pasukan bersenjata kita tidak ketinggalan dalam kerja-kerja pembangunan dan kebajikan selain daripada sentiasa sedia berperang bagi menjaga kemerdekaan dan kedaulatan negara ini.

Tamatnya konfrantasi bermaknalah lebih tanggungjawab bagi pasukan bersenjata kita dan tanggungjawab ini akan bertambah banyak lagi masa-masa akan datang. Tugas-tugas yang dijalankan oleh askar-askar Komanwel sekarang menjadi kewajipan kita. Saya sangat bangga kerana askar-askar kita telah mengambil alih tugas-tugas ini dengan licin dan menjalankannya dengan baik.

Masa hadapan Malaysia dan pasukan bersenjata Malaysia adalah terletak kepada kita sendiri. Kita menentukan nasib kita. Jika rakyat dan pasukan bersenjata terus menerus bekerjasama seperti masa-masa yang lepas, mempunyai kesedaran tanggungjawab dan azam yang kukuh, masa hadapan kita mesti cerah dan kejayaan menunggu kita. Satu bangsa yang bertanggungjawab dan mempunyai tata-tertib yang tinggi tidak akan jatuh atau ditewaskan oleh musuh-musuhnya.

Kerajaan adalah sentiasa menjaga dan memperhatikan keadaan perajurit-perajurit dan anak isteri mereka. Kerajaan akan berikhtiar untuk memperbaiki tempat-tempat tinggal perajurit-perajurit sekalian terutama tempat-tempat tinggal askar-askar biasa supaya dengan seberapa boleh anak-anak dan isteri perajurit-perajurit dapat tinggal bersama dengan suami masing-masing di tempat mereka bertugas atau sekurang-kurangnya berdekatan dengannya.

Selain daripada mengambil perhatian yang berat tentang kebajikan perajurit-perajurit, saya juga mengambil perhatian tentang nasib bekas perajurit dan pada suatu hari kelak Perajurit-perajurit yang sedang bertugas akan menjadi bekas perajurit juga. Ada antara bekas Perajurit-perajurit yang menganggur, setengah-setengahnya pula masih sihat dan muda lagi. Ini ialah satu masalah yang rumit dan mesti dihadapi dan diatasi dengan seberapa segera yang boleh. Saya sedang berfikir hendak menubuhkan satu Jabatan Khas bagi menjaga kepentingan-kepentingan bekas perajurit-perajurit dan badan ini saya harap akan bertanggungjawab bagi "memule kan" semua bekas perajurit memasuki dalam kehidupan awam; menolong mencarikan mereka pekerjaan; menolong menasihati mereka dan mengawasi pelajaran anak-anak yatim perajurit, janda-janda dan tanggungan-tanggungan bekas perajurit.

Saya berpendapat masanya sudah sampai bagi jabatan "Veteran Affairs Administration" atau "Jabatan Hal Ehwal Bekas Perajurit-perajurit seperti didapati di setengah-setengah negara, ditubuhkan di

Malaysia kerana bilangan bekas perajurit-perajurit bertambah dari setahun ke setahun. Mereka mestilah ditolong seberapa yang boleh sebab mereka itu telah membuat jasa kepada negara dan tanahair.

Perajurit-perajurit sekalian,

Tahun 1966 adalah tahun yang bertuah; satu tahun kemenangan. Tahun 1967 adalah tahun kita menegakkan perpaduan negara - tahun kita meneruskan perubahan nasib kita semua kepada yang lebih baik lagi. Kita sedang menuju kearah kemajuan dan keadilan untuk semua golongan rakyat. Selamat Hariraya dan selamat maju jaya.